

Tanggguhkan KLCP 2020

Oleh HAAYATUL IZZAH BADARUDDIN

KUALA LUMPUR 30 Jun - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digesa menangguhkan langkah meluluskan Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (KLCP) 2020 kerana didakwa mengabaikan beberapa perkara asas.

Pengerusi Gabungan untuk Selamatkan Kuala Lumpur (CSKL), Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, antara perkara yang diabaikan dalam penyediaan draf itu termasuk melanggar beberapa undang-undang sedia ada dan tidak mendapat persetujuan penduduk.

Selain itu, katanya, KLCP 2020 juga melanggar dari segi perundangan dan moral Pelan Struktur Kuala Lumpur yang diluluskan pada tahun 2004 khususnya berhubung kawasan perumahan dan institusi.

"Undang-undang menggariskan DBKL harus mengadakan perbincangan dengan orang ramai tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

"Perbincangan yang diadakan tidak berbentuk perbincangan tetapi menjadi sebuah pembentangan tentang Draf KLCP 2020 dan mesti diterima meskipun penduduk tidak bersetuju dengan pelan tersebut," katanya pada mesyuarat CSKL di Tasik Perdana, Kuala Lumpur semalam.

CSKL ditubuhkan dua minggu lalu sebagai respons kepada KLCP 2020 dan antara usaha untuk meminda pelan itu ditangguhkan dan disemak semula.

Ia mewakili persatuan penduduk sekitar Kuala Lumpur.

Abdul Aziz memohon agar Draf KLCP 2020 bukan sahaja tidak memperbaiki kualiti kehidupan di ibu negara tetapi hanya akan menggalakkan kesesakan dan meningkatkan kepadatan penduduk.

"Draf tersebut juga tidak disertakan dengan perancangan ke arah penambahbai-



ABDUL Aziz Abdul Rahman (dua dari kiri) mempengerusikan sidang akhbar untuk meminta DBKL menangguhkan KLCP 2020 selepas bermesyuarat dengan anggota CSKL di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur, semalam.

kan sistem perparitan, kemudahan awam dan peluasan jalan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menggesa kuasa mutlak Datuk Bandar dalam membuat keputusan dihadkan supaya sebarang keputusan yang dibuat benar-benar merupakan satu persetujuan bersama antara DBKL dengan penduduk.

Beliau menjelaskan, mengikut Seksyen 22 Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982, Datuk Bandar mempunyai kuasa untuk menolak keputusan yang telah dibuat dan mengambil keputusan sendiri tanpa berbincang terlebih dahulu.

"Semua keputusan yang dibuat tertakluk kepada budi bicara Datuk Bandar dan beliau mempunyai kuasa mutlak.

"Ini adalah keterlaluan dan kerajaan patut meminda akta itu bagi membolehkan keputusan yang dibuat lebih telus dan demokratik.

"Pandangan dan kepentingan masyarakat juga perlu diutamakan dalam melaksanakan setiap pelan yang dibuat," tegasnya.

Sementara itu, Abdul Aziz menegaskan, sekiranya DBKL memandang sepi semua desakan yang persatuan itu lakukan, mereka tidak teragak-agak untuk membawanya

ke Parlimen.

"Kita akan berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen yang mewakili 10 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur bagi mengutarakan isu ini," katanya.

Selain itu, katanya, CSKL juga akan mengadakan demonstrasi supaya pelaksanaan KLCP 2020 ditangguhkan dan mengadakan rundingan bersama ahli akademik sebelum bertemu dengan kerajaan.

"Jika semua itu tidak dapat mengubah pendirian DBKL dan kerajaan, maka kita tidak akan teragak-agak untuk membawa isu ini ke mahkamah," tambahnya.